



---

KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR

---

**NAMA KURSUS** : **PENGURUSAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN**

**KOD KURSUS** : **DSM3183**

**PEPERIKSAAN** : **DISEMBER 2022**

**MASA** : **3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian. **BAHAGIAN A (40 MARKAH)**  
**BAHAGIAN B (60 MARKAH)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **12** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab semua soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Tanggungjawab Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) adalah untuk
  - A memastikan pekerja hadir kerja.
  - B memastikan negara selamat dari bahaya.
  - C memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja.
  - D mewujudkan suasana komunikasi yang baik dalam organisasi.
  
2. Apakah yang boleh disimpulkan dalam Intipati Peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994?
  - A Melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada pekerja
  - B Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan
  - C Majikan ertinya majikan langsung atau majikan utama atau kedua-duanya.
  - D Kontrak perkhidmatan dengannya dipinjamkan atau disewakan sementara kepada majikan utama
  
3. Encik Kamal seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, beliau diarahkan oleh pihak majikan untuk memantau sekeliling kawasan tempat kerja agar dalam keadaan selamat untuk para pekerja. Manakah antara berikut **bukan** menggambarkan peranan tersebut?
  - A Peningkatan produktiviti
  - B Mengurangkan kos perniagaan
  - C Peningkatan daya saing organisasi
  - D Mengurangkan imbuhan pekerja dalam organisasi

4. Cik Norin merupakan Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Manakah antara berikut **bukan** merujuk kepada bidang kuasa undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) seperti berikut
- A Pengilangan dan pembinaan.
  - B Angkatan tentera dan perkapalan.
  - C Perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun.
  - D Kewangan, insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.
5. Syarikat pembinaan Megah Sdn. Bhd. telah mengarahkan semua pekerja memakai penutup muka dan pelindung mata apabila berada di dalam kawasan tapak pembinaan. Apakah yang sedang pihak majikan lakukan bagi memastikan pekerja sentiasa selamat apabila bekerja?
- A Majikan sedang menilai prestasi pekerja.
  - B Majikan menyediakan alatan untuk bekerja.
  - C Majikan menyediakan kelengkapan keselamatan pekerja.
  - D Majikan menguatkuasakan undang-undang dalam organisasi.
6. Pekerja yang bekerja di bawah panas terik matahari setiap hari, akan terdedah kepada hazard \_\_\_\_\_
- A kimia
  - B fizikal
  - C ergonomik
  - D psikologikal
7. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya hazard peralatan mekanikal tidak dapat dihapuskan?
- A Beli peralatan baru
  - B Bekerja secara berkumpulan
  - C Tidak menggunakan peralatan
  - D Menggunakan alat perlindungan diri

8.

Bilangan tidak hilang upaya kekal / (orang)	Bilangan hilang upaya kekal / (orang)	Bilangan maut / (orang)	Jumlah / (orang)
888	46	20	954

Jadual 1

Berdasarkan **Jadual 1**, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengeluarkan statistik kesan kemalangan pekerjaan di Negeri Johor sehingga bulan Ogos tahun 2022 sahaja. Jika anda adalah seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja apakah tindakan bagi mengenal pasti bahaya di tempat kerja?

- i. Temu bual pegawai utama.
- ii. Memakai peralatan perlindungan diri.
- iii. Memantau peralatan yang digunakan.
- iv. Memeriksa prosedur operasi standart (SOP).

- A i dan ii  
B i dan iii  
C iii dan iv  
D ii dan iii

9. Pemakaian *Personal Protective Equipment (PPE)* bagi pekerja di pelantar minyak dengan pekerja pembakaran terbuka adalah berbeza. Berdasarkan Jadual 2, manakah antara berikut merupakan padanan pemakaian PPE yang betul?

	<i>Personal Protective Equipment (PPE) pelantar minyak</i>	<i>Personal Protective Equipment (PPE) pembakaran terbuka</i>
A	<i>Safety Goggle</i>	<i>Safety sun glass</i>
B	<i>Safety hardness</i>	<i>Half mask</i>
C	<i>High cut safety shoes</i>	<i>Fire retardant coverall</i>
D	<i>Safety helmet</i>	<i>Slip resistant glove</i>

Jadual 2

10. Maklumat berikut menunjukkan langkah kerja yang selamat dalam latihan dan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

- |   |
|---|
| <p>P. Mengenal pasti langkah utama</p> <p>Q. Membangunkan program latihan pekerja</p> <p>R. Pilih kerja atau tugas kerja yang akan dianalisis</p> <p>S. Menentukan langkah melindungi diri daripada bahaya</p> <p>T. Mengenal pasti bahaya yang berpotensi untuk setiap langkah</p> |
|---|

Tentukan turutan yang tepat tentang langkah mengelakkan kemalangan dalam organisasi.

- A RPTQS
- B PQRST
- C STQRP
- D QRPTS

11. Antara berikut siapakah yang perlu melakukan siasatan kemalangan di tempat kerja?
- A Jurutera
  - B Isteri mangsa
  - C Rakan sekerja
  - D Pegawai Keselamatan dan Kesihatan pekerja
12. Tuan Ali adalah pegawai yang dipertanggungjawabkan menguruskan kemalangan dalam organisasi. Apabila berlaku kemalangan yang tidak dijangka apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh Tuan Ali.
- A Memberitahu pejabat JKPP yang terdekat dan menghantar laporan
  - B Memberitahu balai bomba terdekat dan menghantar laporan ke hospital
  - C Memaklumkan balai polis terdekat dan menghantar laporan kepada PERKESO
  - D Memberitahu pejabat Jabatan pengairan dan saliran (JAS) yang terdekat dan menghantar laporan kepada JPAM
13. Syarikat Minyak Masak Seri Wangi dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mengadakan latihan memadam kebakaran di tempat kerja. Disebabkan syarikat ini mempunyai potensi yang tinggi berlakunya kebakaran, pihak jabatan bomba telah mengarahkan syarikat menggunakan alat pemadam api khas untuk minyak. Apakah alat pemadam api yang sesuai bagi situasi berikut?
- A Alat pemadam api jenis air
  - B Alat pemadam api jenis CO2
  - C Alat pemadam api jenis buih
  - D Alat pemadam api jenis debu kering

14. Encik Ahmad perlu menerangkan cara menggunakan alat pemadam api kepada pekerjaanya. Tentukan urutan langkah-langkah cara menggunakan alat pemadam api yang betul.

- i. *SQUEEZE* - pusing / tekan pemegang
- ii. *PULL* - tarikan pin di atas alat pemadam api
- iii. *AIM* - halakan muncung alat pemadam ke punca api
- iv. *SWEEP* - halakan pancutan ke arah punca api pada jarak 3 meter sehingga api padam

- A i, iii, ii, iv  
B ii, iii, i, iv  
C ii, i, iii, iv  
D i, ii, iii, iv

15. Berikut adalah contoh-contoh penyakit Musculoskeletal Disorders (MSDs) kecuali

- A *Epicondy* - sakit lutut  
B *Tendinitis* - peradangan pada tendon  
C *Tringger finger* - sakit ketika membengkokkan jari  
D *Carpal tunnel syndrome (CTS)* - sakit bahagian pergelangan tangan


16. Risiko kepada fizikal pekerja apabila menggunakan komputer dalam tempoh masa yang lama akan menyebabkan kesihatan pekerja terganggu. Manakah antara berikut bukan merujuk kepada ergonomik.

- A Tekanan terhadap sentuhan  
B Kedudukan badan tidak neutral  
C Tekanan pekerjaan yang kerap berlaku  
D Tekanan ke atas anggota badan secara berulang yang melibatkan pergerakan anggota badan yang sama

17. Manakah antara berikut merupakan prinsip ergonomik yang salah

- A Beristirahat dalam bekerja setiap jangka waktu tertentu.
- B Lengan berada di samping tubuh dengan siku tertekuk 90°.
- C Duduk dengan posisi punggung tegak bersandar pada kerusi.
- D Memperhatikan tangan dengan berhati-hati sewaktu menaip.

18.



Situasi 1

Berdasarkan **Situasi 1** di atas, manakah merujuk kepada postur mengangkat objek berat yang betul.


- A Berdiri secara perlahan-lahan
- B Pegang erat objek yang hendak diangkat
- C Pastikan tinggi objek tidak melebihi garis mata
- D Membongkok apabila ingin mengambil barang yang rendah

19. Seramai 240 orang pekerja di syarikat M-Force dijangkiti Covid-19. Ini telah menyebabkan kerajaan mengarahkan syarikat tersebut untuk menutup operasi sehingga keadaan selamat manakala bagi pekerja yang disahkan positif perlu di kuarantin oleh pihak majikan. Tindakan pihak syarikat M-Force merujuk kepada kelas kecemasan berapa?

- A Kelas 1.
- B Kelas 2.
- C Kelas 3.
- D Kelas 4.



20. Gambar 1 di bawah menunjukkan pelan tindakan kecemasan dalam organisasi.



Gambar 1

Berdasarkan Gambar 1 di atas, anak panah tersebut bukan merujuk kepada pelan tindakan kecemasan

- A Mengawal keadaan kecemasan.
- B Mengurangkan kerosakan harta benda.
- C Menghindari pekerja daripada mendapat kecederaan teruk.
- D Mengurangkan tindakan bomba dalam mencegah kecemasan.

[40 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Hazard boleh diklasifikasikan sebagai sesuatu yang mampu mengakibatkan kemudaratan kepada pekerja daripada kecederaan yang serius hinggalah mengakibatkan kematian. Pada pandangan anda, apakah jenis hazard yang sering terjadi kepada pekerja dalam organisasi?

(10 markah)

- b. Encik Jamal ialah pembantu pegawai di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang baru dilantik bagi membuat penyelidikan tentang bahayanya "hazard" yang berada di dalam kawasan organisasi. Beliau diminta untuk menghebahkan bahayanya "hazard" kepada semua pekerja. Bincangkan kaedahnya.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Litar pintas yang disertai api atau letupan dalam premis boleh menyebabkan kecederaan kepada semua pekerja dan kerosakkan harta benda. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menguruskan mangsa yang terkena renjatan elektrik?

(12 markah)

b.

**KLANG** : Seorang pekerja sebuah kilang pembuatan logam maut dipercayai akibat dilibas batang besi (billet) ketika sedang diangkat menggunakan kren (OTC) dalam kejadian pada pagi Jumaat lalu.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor dalam kenyataan hari ini, memaklumkan mangsa dalam kejadian jam 10 pagi itu adalah lelaki warga tempatan berusia 51 tahun.

"JKKP Selangor akan mengambil tindakan perundangan ke atas pihak yang bertanggungjawab sekiranya didapati terdapat pelanggaran mengikut peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994".

Sumber : Berita Nasional (Ogos 1, 2022)

Berdasarkan petikan di atas, mengapakah pihak kerajaan perlu memainkan peranan dalam mengatasi kemalangan di organisasi?

(8 markah)

### SOALAN 3

- a. Pegawai keselamatan dan kesihatan pekerja dalam syarikat hendaklah memastikan setiap kemalangan dan bencana yang berlaku di tempat kerja perlulah dilaporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Laporan tersebut hendaklah dibuat dengan serta merta sebaik sahaja kejadian tersebut dikenalpasti atau berlaku di Jabatan masing-masing. Sebagai seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, anda perlu identifikasi bencana yang sering berlaku di tempat kerja?

(10 markah)

- b. Syarikat Chong Lim telah terlibat dalam satu kebakaran yang boleh menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit. Sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, sediakan satu pelan tindakan kecemasan yang anda akan lakukan bagi menyelamatkan Syarikat Chong Lim daripada mengalami kerugian tersebut.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**